

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
28 SEPTEMBER 2021

**1. PROGRAM BANTUAN KHAS KERAJAAN NEGERI DAN MBSP
KEPADA RAKYAT BERSEMPENA ULANG TAHUN KEDUA
SAMBUTAN HARI BANDARAYA SEBERANG PERAI 2021**

Kerajaan Negeri dan MBSP sedar bahawa ramai penduduk serta *stakeholders* yang terkesan, berhadapan dengan situasi sukar pada masa kini disebabkan wabak Covid-19.

Bersempena dengan Ulang Tahun Kedua Sambutan Hari Bandaraya MBSP Tahun 2021, sukacitanya saya di sini mengumumkan:

- i. **Program 1:** Pelanjutan tempoh bayaran cukai taksiran tahun 2021 sehingga 31 Disember 2021 **tanpa** dikenakan sebarang denda lewat.

- ii. **Program 2:** Program Klinik Tunggakan Cukai Taksiran Khas 2021 bermula pada 17 September hingga 15 November 2021 yang bertujuan menawarkan bantuan konsultasi bagi membantu pemilik berbincang kaedah yang sesuai dan terbaik dalam menyelesaikan tunggakan cukai. Program ini dijalankan pada hari bekerja sahaja dan melalui kaedah temujanji. Tema program klinik ini adalah **“Bantu Kami Untuk Membantu Anda” (Help Us to Help You)**

Bagi yang ingin membuat temujanji ke Klinik Tunggakan Cukai Khas 2021, sila buat tempahan temujanji melalui kaedah-kaedah berikut:-

- a. Layari <https://www.picktime.com/mbsp> dan ikuti langkah-langkah berikut:

Langkah 1	Pilih Lokasi (Menara MBSP atau Google Meet)
Langkah 2	Pilih Jabatan Perbendaharaan (Klinik Tunggakan Cukai MBSP)
Langkah 3	Pilih Tarikh Temujanji dan Hantar.

- b. Imbas Kod QR yang disediakan seperti berikut:



- c. Atau terus menghubungi di talian helpdesk cukai taksiran MBSP iaitu 045497470/ 471/ 696/ 697.
- iii. **Program 3:** Diskaun kompaun bagi kesemua kesalahan-kesalahan mulai 16 September sehingga 31 Disember 2021. Kompaun tempat letak kereta dikenakan bayaran RM10.00 atas satu kesalahan, manakala kompaun lain dikurangkan sebanyak 50%.
- iv. **Program 4:** Bantuan dan insentif kepada peniaga serta penjaja MBSP oleh Kerajaan Negeri iaitu:
 - a. Pengecualian bayaran sewa premis komersial milik MBSP bermula Oktober 2021 sehingga Disember 2021
 - b. Pengecualian bayaran sewa premis perniagaan seperti kompleks makanan serta pasar awam milik MBSP bermula Oktober 2021 sehingga Disember 2021
 - c. Pengecualian bayaran permit penganjuran pasar malam, pasar pagi dan pasar minggu untuk 1 tahun.

2. MAJLIS SAMBUTAN PEMENANG PROMOSI JOM MENANG WANG TUNAI : BAYAR CUKAI SECARA *ONLINE* BAGI BIL PENGGAL KEDUA 2021

Sukacita dimaklumkan bahawa MBSP akan mengadakan **Majlis Cabutan Pemenang Promosi Jom Menang Wang Tunai: Bayar Cukai Secara *Online*** pada **5 Oktober 2021 (Selasa)** akan datang.

Lima (5) pemenang yang bertuah bakal ditentukan pada hari berkenaan. Untuk makluman promosi ini telah bermula pada 1 Julai 2021 dan tamat pada 31 Ogos 2021 yang lalu. Dalam promosi ini, MBSP telah berjaya memperolehi kutipan sebanyak **RM57.5 juta** dan jumlah tersebut telah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak RM50 juta.

MBSP mengucapkan jutaan penghargaan kepada seluruh warga Seberang Perai yang telah menunaikan tanggungjawab untuk membayar cukai taksiran pada masa yang telah ditetapkan walaupun kini kita masih dilanda wabak Covid-19.

Hadiah cabutan bertuah yang disediakan adalah khusus kepada kategori pembayaran secara *online*, melalui agensi kutipan atau kiosk sahaja. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

Kedudukan Hadiah	Tempat Pertama
Tempat Pertama	Wang Tunai RM8,888
Tempat Ke - 2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke - 3	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke - 4	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke - 5	Wang Tunai RM1,000

Senarai keseluruhan lima (5) pemenang mengikut turutan hadiah akan ditentukan pada 5 Oktober 2021 (Selasa) melalui pemilihan secara *online* dan ianya dapat disaksikan secara *Live* melalui FB MBSP. Senarai nama pemenang yang bertuah boleh mula disemak di laman web MBSP iaitu <https://www.mbsp.gov.my> mulai pada 6 Oktober 2021 (Rabu). Pemenang yang berjaya akan dihubungi oleh MBSP untuk urusan tuntutan hadiah.

3. SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

Dimaklumkan bahawa Sambutan Maulidur Rasul jatuh pada 19 Oktober 2021 (Selasa) dan ianya merupakan Hari Kelepasan Am. Maulidur Rasul iaitu hari bersejarah Keputeraan Nabi Muhammad yang jatuh pada setiap 12 Rabiulawal. Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Maulidur Rasul dan selamat bercuti. Sentiasa

mengamalkan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

4. SENTIASA MEMATUHI PROSEDUR STANDARD (STANDARD OPERATING PROCEDURE) DEMI MEMERANGI COVID-19

Diingatkan seluruh kakitangan MBSP dan seluruh penduduk Seberang Perai sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia(KKM) dan amalkan norma baharu setiap masa bagi membendung penularan Covid-19. Kita masih lagi berada dalam Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN). Jangan alpa dan lalai dengan kelonggaran dan kebebasan yang diberikan sekarang. Saya menyeru sekali lagi, penduduk Seberang Perai mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan supaya kita kekal sihat.

SEKIAN, TERIMA KASIH.